



Kenderaan persendirian dilarang masuk Sabtu, Ahad dan cuti umum mulai 1 April ini

Jalan TAR jadi pejalan kaki



BICARA EKSKLUSIF



ORANG ramai akan lebih selesa membeli-belah di premis perniagaan di Jalan Tuanku Abdul Rahman apabila laluan tersebut dijadikan laluan pejalan kaki.



LALUAN di Lorong Tuanku Abdul Rahman dinaik taraf supaya kelihatan lebih bersih dan selesa untuk pengunjung membeli-belah.

KEMENTERIAN Wilayah Persekutuan kekal dengan keputusan untuk menjadikan Jalan Tuanku Abdul Rahman (TAR), Kuala Lumpur sebagai laluan pejalan kaki dengan tempoh percubaan bermula 1 April ini sejajar dengan pelaksanaan Projek River of Life (ROL).

Menterinya, Khalid Abd. Samad berkata, laluan dari Jalan Esfahan ke Jalan Melayu itu akan ditutup kepada kenderaan persendirian pada hujung minggu dan cuti umum bermula pukul 8 pagi sehingga 12 tengah malam iaitu selepas keputusan perwartaan dikeluarkan.

"Hanya bas, teksi, kenderaan bomba, ambulans dan polis serta kenderaan penguatkuasaan yang dibenarkan melaluinya. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan memastikan Lorong Gombak dan Lorong TAR menjadi laluan aktiviti pemunggaan bekalan.

"Kedua-dua lorong belakang itu akan dikosongkan sepenuhnya daripada pelbagai halangan serta penjaja yang mana peniaga berdaftar akan dipindahkan ke kiosk-kiosk di lokasi baharu sekitar Jalan TAR," katanya pada sidang akhbar di lobi Parlimen, Selasa lalu.

**LAPORAN PENUH
DI MUKA 2**

Hanya kenderaan awam, pihak berkuasa dibenar guna laluan tersebut mulai 1 April

Jalan TAR ditutup hujung minggu, cuti umum

KUALA LUMPUR - Kerajaan akan melaksanakan tempoh percubaan selama sebulan bermula 1 April ini bagi mengenal pasti kesediaan untuk menjadikan Jalan Tuanku Abdul Rahman (Jalan TAR) sebagai laluan penjalan kaki sejajar dengan pelaksanaan Projek River of Life (ROL).

Menteri Wilayah Persekutuan, Khalid Abd. Samad berkata, laluan sepanjang 800 meter dari Jalan Esfahan ke Jalan Melayu akan ditutup kepada kenderaan persendirian pada hujung minggu dan cuti umum bermula pukul 8 pagi sehingga 12 tengah malam iaitu selepas keputusan perwartaan dikeluarkan.

"Hanya bas, teksi, kenderaan bomba, ambulans dan polis serta kenderaan penguatkuasaan yang dibenarkan melaluinya. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan memastikan Lorong Gombak dan Lorong TAR menjadi laluan aktiviti pemunggahan bekalan.

"Kedua-dua lorong belakang itu akan dikosongkan sepenuhnya daripada pelbagai halangan serta penjaja yang mana



LALUAN pejalan kaki di Lorong Tunku Abdul Rahman telah dinaik taraf untuk keselesaan pengunjung.

peniaga berdaftar akan dipindahkan ke kiosk-kiosk di lokasi baharu sekitar Jalan TAR," katanya pada sidang akhbar di lobi Parlimen, Selasa lalu.

Menurut Khalid, pasar malam dan bazar Ramadan di kawasan terbabit akan turut dipindahkan ke lokasi baharu dan dijangka pelaksanaannya

bermula selepas perwartaan penutupan laluan berkenaan dibuat.

Jelasnya, usaha itu juga dapat membantu pihak berkuasa tempatan menjaga kebersihan sekali gus memberi keselesaan sekali gus dapat memajukan seperti kawasan segi tiga emas di Bukit Bintang.

Dalam pada itu, mengenai caj 20 sen ke atas beg plastik biodegradasi, Kha-



KHALID ABD. SAMAD

lid menjelaskan, ia bagi menampung kos peniaga yang telah melaksanakan penggunaan produk tersebut sejak Januari lalu. "Bagi mengelakkan daripada menanggung kos 20 sen, orang ramai boleh membawa beg sendiri apabila membeli-belah," katanya.

Khalid sebelum itu mengumumkan kerajaan menguatkuasakan caj pencemaran sebanyak 20 sen mulai 15 Mac ini kepada pembeli yang mahu menggunakan beg plastik biodegradasi.



MOHD. MUSRI SAPAR

Program KL Bersih guna elemen audio, visual

KUALA LUMPUR - Kelab Dakwah Kreatif (CDC) akan mengadakan Program KL Bersih: Bandaraya Bersih, Rakyat Sihat sepanjang tahun ini dalam usaha meningkatkan kesedaran masyarakat untuk menjaga kebersihan ibu kota.

Majlis pelancaran program tersebut dijadual disempurnakan Menteri Wilayah Persekutuan, Khalid Abd. Samad pada

Khamis ini (14 Mac).

Pengarah projek, Mohd. Musri Sapar berkata, program tersebut bertujuan membudayakan nilai kebersihan dalam kalangan masyarakat ibu kota.

Beliau memberitahu, pelaksanaan kempen itu akan memberi penekanan kepada penggunaan elemen audio dan visual yang lebih 'mesra' untuk mempengaruhi golongan sasar

khususnya generasi muda.

"Lagu dan video pendek yang dicipta ini akan menyentuh nilai-nilai murni dan menyuntik kesedaran tentang kebersihan serta kepentingan menjaga alam sekitar seperti sungai.

"Elemen tersebut lebih mudah tersebar dan dapat rangkaian perkongsian juga meluas kerana pada masa

ini setiap individu mempunyai telefon pintar termasuk kanak-kanak," katanya.

Mohd. Musri memberitahu, sasaran utama program tersebut adalah penduduk di kawasan projek perumahan rakyat, warga asing, pelajar dan tapak pasar malam yang menyumbang kepada kadar pembuangan sampah yang tinggi.

Buku 'If Mayors Ruled The World' jadi inspirasi

KUALA LUMPUR - Buku berjudul 'If Mayors Ruled The World' karya Benjamin Barber menjadi sumber inspirasi buat Datuk Bandar Kuala Lumpur, Nor Hisham Ahmad Dahlan untuk mentadbir bandar raya Kuala Lumpur.

Buku tersebut merupakan bahan bacaan kegemarannya sejak 2015 semasa menjawat jawatan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ).

"Buku tersebut menceritakan mengenai kejayaan sesebuah kota itu mencapai 'low carbon city' dan bagaimana seseorang datuk bandar berfikir 'di luar kotak, dalam kotak dan 'tiada kotak,'" katanya ketika berkongsi buku kegemarannya pada

Sesi Bacaan Kegemaran Saya bersama Datuk Bandar Kuala Lumpur dan warga Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) di Menara DBKL baru-baru ini.

Apa yang menarik buku karya penulis politik Amerika Syarikat itu diterbitkan pada tahun 2013 merupakan hadiah daripada isteri beliau, Datin Rabithah Zakariah.

Nor Hisham menceritakan, beliau begitu tertarik dengan tiga kotak pemikiran yang diaplikasikan oleh 15 datuk bandar dari pelbagai ibu kota dan negara menerusi pengalaman mereka dengan mengambil kira pelbagai aspek daripada pentadbiran hinggalah kepada mendengar suara hati warga kota.


"Saya tidak sangka selepas

empat tahun berpeluang menjawab jawatan datuk bandar, apa yang saya baca itu dapat kongsi dan cuba amalkan sepanjang pentadbiran saya di sini," katanya.

Menurut beliau, pembangunan Kuala Lumpur harus dicorakkan mengikut identiti Malaysia.

"Kecantikan bandar raya kita adalah kerana kita duduki bersama dengan pelbagai bangsa, agama dan kaum. Maka pembangunannya harus mengambil kira kepentingan ini," katanya.

Kata Nor Hisham lagi, tugasnya dan warga DBKL adalah untuk mengembalikan kegembiraan Kuala Lumpur sebagai bandar raya yang gembira untuk dikunjungi.



NOR HISHAM menunjukkan buku *If Mayor Ruled The World* pada Sesi Bacaan Kegemaran Saya di Menara DBKL baru-baru ini.

"Orang ramai sekarang merungut apabila datang ke Kuala Lumpur dengan isu kesesakan lalu lintas, isu banjir kilat dan pelbagai lagi. Jadi kita mahu

orang gembira berkunjung ke ibu kota. Kita perlu memperbaiki keadaan ini kerana Kuala Lumpur merupakan nadi negara kita," katanya.

Oleh **AZLAN ZAMBRY**
azlanwilayahku@gmail.com

MENJADI pekerja terawal di Perbadanan Putrajaya (PPj) dan seterusnya terlibat secara langsung dalam membangunkan pusat pentadbiran kerajaan Persekutuan merupakan pengalaman yang tidak akan dilupakan sampai bila-bila.

Bagi Megat Sharul Badri Megat Mohd. Noor, 51, keputusan yang diambil pada tahun 1995 untuk kekal di bawah Unit Pentadbiran Prang Besar disifatkan satu tindakan yang betul ia membolehkannya menyaksikan sendiri bagaimana sebuah kawasan ladang sawit dan hutan kini bertukar menjadi pusat pentadbiran kerajaan yang hebat.

Megat Sharul yang merupakan Penolong Pegawai Senibina Bahagian Pembangunan Mampan, Jabatan Perancang Bandar PPj adalah antara pegawai paling lama berkhidmat dengan PPj. Ramai rakannya yang turut sama-sama pada fasa awal pembangunan Putrajaya telah bersara.

"Pada awalnya, Putrajaya dikenali sebagai Prang Besar dan Perbadanan Putrajaya dikenali sebagai Projek Pembangunan Prang Besar yang dipimpin Allayarham Tun Azizan Zainul Abidin.

"Projek Pembangunan Prang Besar ketika itu beroperasi di Rumah Persekutuan atau dikenali Federal House bersebelahan Menara Dayabumi dan seramai 17 orang pekerja yang dipinjamkan daripada pelbagai jabatan kerajaan untuk membentuk dan membangunkan Putrajaya ketika itu," katanya kepada Wilayahku baru-baru ini.

Megat Sharul menceritakan, tugas

Megat Sharul saksi ladang sawit jadi Putrajaya

pertama yang dilakukannya adalah mengajar pekerja-pekerja Pembangunan Prang Besar menggunakan sistem 'Microsot Word' kerana ketika itu mereka baru didedahkan dengan penggunaan komputer dan dia bertanggungjawab berkaitan dengan Unit Teknologi Komunikasi dan Maklumat (IT).

Ceritanya lagi, pada tahun 1997, dia kembali menyertai Unit Teknikal projek pembangunan Putrajaya dan menjadi urusetia projek serta terlibat membantu pihak konsortium merancang pembangunan pusat pentadbiran kerajaan Pusat itu," katanya.

Megat Sharul yang merupakan anak jati Kuala Kangsar, Perak berkata, sepanjang bertugas, dia sempat menyaksikan Perdana Menteri keempat, Tun Dr. Mahathir Mohamad ketika itu menanam kapsul masa di Mercu Tanda Putrajaya iaitu struktur pertama yang dibina di Putrajaya yang terletak di Taman Perdana Putra.

Jelasnya lagi, antara perkara yang tidak akan dilupakan ialah pengalaman berjalan di kawasan tasik sebelum dipenuhi air dan membentuk Tasik Putrajaya.

"Tasik buatan manusia tersebut dibina mengelilingi kompleks pentadbiran kerajaan Pusat dan ia dipenuhi air secara semulajadi melalui pengumpulan air hujan dan pembinaan empangan.

"Air tasik juga mengalir keluar melalui sungai-sungai berdekatan dan ditapis



MEGAT SHARUL

secara semulajadi di Wetland," katanya.

Megat Sharul berkata, dia turut menyaksikan terowong dengan kedalaman 30 meter dikorek sepanjang kira-kira lima kilometer untuk kegunaan sistem monorel pada masa akan datang.

"Kerja-kerja mengorek itu agak sukar kerana terdapat beberapa kawasan yang terlibat mengandungi batu-batu keras.

"Selepas siap terowong dikorek, pihak

kontraktor meletakkan konkrit bertetulang sebagai struktur utama sebelum ia ditimbus semula," katanya yang berkhidmat dengan lima orang Presiden PPj.

Bapa kepada empat anak ini berkata, menyaksikan pembangunan Putrajaya bermula dari fasa awal hingga kini merupakan satu kepuasan kerana dia merupakan antara individu yang turut sama terlibat dalam proses itu.

Berlakon tolong rakam gambar, taktik warga asing jual lensa mini

KUALA LUMPUR - Keselesaian pelancong asing melawat kawasan Menara Berkembar KLCC yang merupakan tarikan utama di ibu kota dicemari dengan kegiatan sekumpulan lelaki dipercayai warga Indonesia menjual lensa mini kamera telefon.

Tinjauan Wilayahku di sekitar Taman KLCC pada hujung minggu lalu mendapati, kegiatan tersebut dilakukan kira-kira 20 lelaki yang dipercayai warga asing.

Mereka menyasarkan pelancong warga asing khususnya dari negara Eropah, China, Korea dan Asia Barat yang ingin merakam gambar berlatarbelakangkan Menara Berkembar KLCC.

Kegiatan tersebut dipercayai bermula pada pukul 10 pagi dengan kesemua individu terlibat bergerak secara berseorangan dan mengelilingi Taman KLCC bagi mendapatkan sasaran pembeli.

Bagi mengelakkan kegiatan tersebut dihidu pihak berkuasa, kesemua mereka berhubung menggunakan telefon bimbit dan saling memaklumkan tentang keadaan sekitar sama ada bebas daripada pemantauan pihak polis



BEBERAPA lelaki dipercayai warga asing menanti pelancong luar negara untuk dijadikan sasaran bagi membeli produk lensa mini mereka.

bantuan atau pihak berkuasa. Kehadiran wartawan dan jurugambar juga seolah-olah tidak disenangi golongan terbabit.

Lebih membimbangkan apabila terdapat beberapa individu daripada kumpulan yang sama bertindak berani dengan mendekati pelancong asing di hadapan pintu masuk kompleks membeli-belah Suria KLCC.



SEORANG lelaki cuba memujuk pelancong asing membeli lensa mini kamera telefon di pekarangan Taman KLCC, Kuala Lumpur baru ini.

Mereka bertindak kononnya membantu pelancong asing merakamkan gambar kenangan sebelum menjual barang tersebut pada kadar harga antara RM10 hingga RM50.

Menurut Pensyarah Pelancongan Kolej Komuniti Jerai, Nazni Ahmad Nazri berkata, kegiatan kumpulan lelaki warga asing itu boleh menjejaskan industri

pelancongan negara dan memberikan imej buruk Malaysia di mata pelancong asing.

"Kegiatan seperti itu mudah tular selain mengundang pelbagai komen negatif. Keadaan itu akan menyebabkan pelancong asing berasa bimbang dan tidak selesa untuk datang ke Malaysia," katanya.